

03 APR 2000

Kadir-Merdeka

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN JADI ACARA UTAMA UNTUK TARIK PELANCONG

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Bermula tahun ini, pelbagai program tarikan pelancong akan diadakan di seluruh negara sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata mulai tahun ini juga, tempoh sambutan hari kemerdekaan akan diadakan selama sebulan iaitu dari 17 Ogos hingga 16 September.

Kerajaan juga meluluskan tema "Kerana Mu Malaysia" untuk sambutan kali ini, katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Perayaan Bulan Kemerdekaan Ke-43 di sini hari ini.

Katanya tema itu dipilih bagi mencerminkan kesyukuran rakyat Malaysia terhadap kemakmuran serta kemajuan pesat negara yang membolehkan mereka hidup aman dan sejahtera.

Beliau berkata berbeza daripada masa-masa lepas, sambutan kali ini dilakukan menerusi dua perayaan utama peringkat kebangsaan iaitu perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan perayaan penutup Bulan Kemerdekaan.

"Perarakan Hari Kebangsaan tahun ini akan diadakan di Shah Alam, Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2000 manakala perayaan penutup Bulan Kemerdekaan pula akan dilangsungkan di Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September," katanya.

Kadir berkata Sabah diberikan penghormatan sebagai tuan rumah kerana pada tarikh itulah Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia.

Katanya sambutan bulan kemerdekaan akan bermula dengan kempen mengibar bendera, larian bendera di seluruh negara serta perhimpunan beliau di Stadium Nasional Bukit Jalil. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan amanatnya pada majlis itu.

Beliau berkata pada malam 30 Ogos, sambutan "di ambang kemerdekaan" akan diadakan di pelbagai tempat di seluruh negara.

Pelbagai pertandingan termasuk mencipta logo, lagu patriotik, pidato serta lukisan akan diadakan sempena sambutan, katanya.

Selain itu, katanya pelbagai acara kesenian dan kebudayaan akan diadakan termasuk sayembara deklamasi puisi, persembahan pantun dan syair, pekan teater serta festival kesenian tradisi negeri.

-- BERNAMA

AKT LAT